

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Briged MASMED: Sukarelawan Keusahawanan Mahasiswa

Nik Fazlin Hiriyati Nik Jaafar^{1*}, Norzaidah Ngali², dan Marha Abdol Ghapar¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Terengganu, Terengganu.

²Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Terengganu, Terengganu.

*Koresponden: nikfa738@uitm.edu.my

MASMED merupakan salah satu unit di Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI) yang bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif dan usaha berkaitan keusahawanan di pelbagai peringkat. Saban tahun, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan samada di dalam ataupun di luar kampus. MASMED juga aktif melaksanakan program kerjasama dengan pelbagai pihak. Hal ini semestinya memerlukan pasukan pelaksana yang besar dari sudut bilangan ahli dan mantap dari segi komitmen. Rentetan daripada itu, mantan Koordinator MASMED UiTM Cawangan Terengganu iaitu Prof Madya Dr Rosman Mahmood telah memberi idea dan mencadangkan penubuhan pasukan sukarelawan dalam kalangan mahasiswa bagi maksud di atas.

Pasukan yang dimaksudkan ialah Briged MASMED dan ia ditubuhkan dengan tujuan berikut:

1. Membantu pementapan pelaksanaan program-program MASMED yang seterusnya menyumbang kepada keperluan perancangan strategik universiti.
2. Memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti kesukarelawan di dalam bidang keusahawanan.
3. Memberikan pendedahan secara langsung kepada mahasiswa dengan perkara-perkara berkaitan keusahawanan.
4. Meningkatkan pelbagai kemahiran insaniah mahasiswa.
5. Mendekatkan mahasiswa dengan pengurusan universiti.

Di antara tanggungjawab yang diberikan kepada mereka adalah seperti berikut:

1. Membantu pengurusan MASMED secara langsung di dalam pelaksanaan program dan aktiviti keusahawanan di dalam dan di luar kampus.
2. Bertindak sebagai 'duta kecil' di dalam mempromosikan kepentingan program-program keusahawanan.

Manakala kelebihan yang diperolehi mahasiswa sebagai ahli Briged MASMED pula adalah:

1. Terdedah secara langsung dalam aktiviti keusahawanan yang membantu memantapkan kemahiran insaniah mahasiswa.
2. Diberikan keutamaan bagi peluang perniagaan di dalam kampus.
3. Sijil penghargaan dan merit akan disediakan (jika bersesuaian).
4. Ganjaran di dalam pelbagai bentuk (kewangan dan bukan kewangan).

Prosedur pengambilan pasukan Briged MASMED adalah menerusi iklan pemakluman recruitment dan seterusnya panggilan temubual. Temubual adalah amat penting bagi memastikan calon mempunyai kriteria dan sahshiah yang diperlukan sebagai seorang Briged MASMED. Briged MASMED boleh dianggotai oleh pelajar diploma mahupun ijazah dari semua bidang pengajian. Semua mahasiswa adalah layak untuk menyertai pasukan ini kerana MASMED yakin setiap daripada mereka mempunyai kelebihan dan potensi yang tersendiri. Oleh itu, ruang dan peluang perlu diberikan secara samarata. Ciri utama yang diperlukan sebagai seorang Briged MASMED adalah seperti keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baharu, minat yang mendalam terhadap bidang keusahawanan, serta mampu memberi kerjasama yang baik di dalam pasukan.

Ketika sesi temubual diadakan, calon diberikan kajian kes berkaitan keusahawanan bagi menguji kecekapan mereka dalam penyelesaian masalah dan mendorong mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta di luar kotak. Di samping itu, mereka juga perlu berkongsi pengalaman keusahawanan semasa di bangku sekolah mahupun ketika di UiTM. Bagi pelajar yang mengusahakan perniagaan kecil-kecilan, ia adalah satu bonus untuk mereka. Begitu juga jika ada calon yang datang dari keluarga yang memang menjalankan perniagaan. Pengalaman sebenar yang pernah atau sedang dilalui adalah sangat berharga dan tidak mungkin diperolehi daripada mana-mana buku teks yang ada di dunia ini.

Selain daripada respon temubual tersebut, calon juga dinilai dari aspek bahasa badan dan tingkah laku. Ada kalanya, keyakinan seseorang itu boleh terlihat dari gerak badan seseorang itu. Cara mereka duduk dan ekspresi wajah juga diambil kira. Mereka juga diberikan peluang untuk bertanyakan soalan kepada panel bagi menggalakkan komunikasi dua hala yang boleh membuatkan mereka merasa penting, diperlukan, dan dihargai.

Bagi MASMED, calon bagi pasukan kesukarelawan ini perlu dinilai dengan sebaiknya kerana mereka merupakan salah satu tonggak penting di dalam pelaksanaan aktiviti dan program keusahawanan di UiTM Cawangan Terengganu. Di samping itu juga, MASMED ingin menggilap seberapa ramai bakat yang ada agar potensi dan kemampuan sebenar mereka dapat diserlahkan melalui platform yang ditubuhkan ini. Mahasiswa perlu diberikan peluang dan pendedahan dengan sebaiknya agar mereka dapat mengenal kelebihan yang ada, menggalas tanggungjawab yang diberikan, dan memperbaiki apa jua kelemahan yang ada.

Semoga platform Briged MASMED ini menjadi pemangkin kepada pembangunan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa di samping melahirkan graduan yang holistik serta berpengalaman luas.



Gambar 1: Logo Briged MASMED



Gambar 2: Di Sebalik Tabir Raptai Webinar Sportpreneur



Gambar 3: Pasukan Sukarelawan BRIGED MASMED bersama Koordinator MASMED dan Penasihat BRIGED MASMED

